

16 OCT 1997

Mahathir-tinjau (bergambar)

DR MAHATHIR TINJAU PERSIAPAN G-15

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini melawat Palace of the Golden Horses, hotel di Sungai Besi yang akan menjadi tempat bagi sidang kemuncak G-15, untuk meninjau kemudahan dan persiapan bagi persidangan itu 3 Nov ini.

Perdana Menteri telah diberi taklimat mengenai persiapan itu oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Kadir Mohamad.

Dr Mahathir kemudian meninjau kemudahan yang disediakan oleh hotel itu -- yang disifatkan sebagai paling unik di Asia -- yang dibina dalam masa 22 bulan.

Sebelum itu, beliau menyaksikan majlis menandatangani kontrak mengubah suai pesawat MiG antara kerajaan Malaysia dan Aerospace Technology Systems Corp Sdn Bhd (ATSC) di Pusat Pameran Antarabangsa Mines.

Satu lagi kontrak ialah antara ATSC dan Moscow Aircraft Production Organisation "Mig" (MAPO MiG) dan State Corporation Rosvoorouzhenie.

Kedua-dua kontrak itu bagi meningkatkan keupayaan MiG-29 yang digunakan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Kerja mengubah suai itu antaranya bagi membolehkan pesawat itu diisi minyak di udara.

Ia akan dikendalikan oleh ATSC di kompleks penyenggaraannya di Kuantan dengan usaha sama MAPO MiG, pembuat pesawat itu, dan Rosvoorouzhenie.

Yang turut hadir ialah Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar dan Duta Rusia ke Malaysia, Vitalay Vorobyev.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Datuk Azizan Hussein menandatangani bagi pihak kerajaan Malaysia, MAPO MiG diwakili oleh Timbalan Ketua Pengarahnya Trifinov Victor Petrovich dan Rosvoorouzhenie oleh Skoibeda Vassili Vladimir-orich.-- BERNAMA

ZAB MAI